

<p><span class="pagenav">24 Sept 2007</span>♦</p><p>PUTRAJAYA 24 Sept. ♦  
Pegguna perlu menggunakan kuasa beli mereka secara bijak dengan memboikot para  
peniaga yang menaikkan harga barang keperluan sewenang-wenangnya. </p><p>Menteri  
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Mohd. Shafie Apdal  
berkata, orang ramai bagaimanapun tidak boleh memboikot semua peniaga kerana ia secara  
langsung akan memberi kesan tidak baik kepada ekonomi negara.</p><p>♦♦Pegguna tidak  
boleh berhenti membeli kerana ia akan menjejaskan ekonomi negara tetapi kita perlu bijak  
memilih untuk membeli barangan keperluan harian</p><p align="justify">♦♦Jangan beli  
dengan peniaga yang sengaja menaikkan harga barangan keperluan dan belilah di tempat lain  
kerana saya yakin kita ada banyak tempat lain yang jual pada harga berpatutan,♦  
katanya.</p><p align="justify">Beliau bercakap pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari  
ini.</p><p align="justify">Semalam, lebih tiga juta ahli Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia  
(MTUC) dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)  
memulakan kempen memboikot para peniaga yang menaikkan harga barang keperluan.</p><p  
align="justify">Melalui boikot itu, kedua-dua kesatuan sekerja itu mahu mengembalikan hak  
pengguna dalam menentukan harga barang serta menundukkan kuasa pembekal dan peniaga  
menjelang musim perayaan.</p><p align="justify">Ahli kedua-dua pertubuhan itu disarankan  
tidak ke pasar selama dua hari dalam seminggu bagi menyokong langkah tersebut.</p><p  
align="justify">Dalam hal ini, Shafie meminta para pengguna, MTUC dan CUEPACS  
menyalurkan maklumat berhubung tindakan peniaga menjual barangan keperluan melebihi  
paras yang ditetapkan.</p><p align="justify">Katanya, pengguna boleh membuat laporan  
kenaikan harga barangan kepada mana-mana pejabat kementerian itu, menghubungi talian  
1-800-886-800 atau menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) ke 32255.</p><p  
align="justify">Beliau berkata, bahagian penguatkuasaan kementerian sentiasa bertindak tegas  
ke atas peniaga atau peruncit yang melakukan kesalahan.</p><p align="justify">Pihaknya  
meletakkan empat hingga lima anggota penguat kuasa di pasar-pasar utama seluruh negara  
sepanjang musim perayaan ini.</p><p align="justify">♦♦Laporan Pelaksanaan Skim Kawalan  
Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2007 dari 13 September hingga semalam mendapati  
sebanyak 130,374 pemeriksaan dijalankan dan sejumlah 230 kes diambil tindakan.</p><p  
align="justify">♦♦Jumlah rampasan pula mencecah RM78,114.91 manakala kompaun  
sebanyak RM37,850,♦ katanya.</p><p> </p>